

CNS7568

R GB 06-09 00184 BA739

bah

MAHATHIR: RAKYAT NEGARA KUASA BESAR JUGA SOKONG PERUBAHAN PBB

Mahathir - PBB

JAKARTA, 6 Sept (Bernama) -- Malaysia tetap yakin usaha pendemokrasian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dapat dilakukan walaupun menghadapi jalan sukar, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata ada rakyat di negara-negara yang mempunyai kuasa veto dalam badan dunia itu juga mahu PBB berubah dan tidak menyokong pendirian kerajaan mereka menentang usaha itu.

+Memang nampak begitu sukar sekali waktu ini tetapi kita terpaksa kempen bahkan dalam negara-negara yang mempunyai kuasa veto,+ katanya kepada wartawan Malaysia sebelum pulang ke Kuala Lumpur selepas menghadiri Sidang Kemuncak Pergerakan Berkecuali (NAM) ke-10 yang berakhir hari ini.

Minggu lepas, Setiausaha Agung PBB Boutros Boutros-Ghali, yang turut menghadiri persidangan itu, berkata pembaharuan terhadap badan dunia itu sesuatu yang hampir mustahil kerana mendapat tentangan lima anggota tetap Majlis Keselamatan.

+Pandangan kita ialah 'near impossible' bermakna 'possible'lah,+ kata Dr Mahathir yang sebelum ini menggesa PBB berubah terutama dalam komposisi Majlis Keselamatan kerana kedudukan itu tidak lagi bermakna setelah Perang Dunia II lama berlalu. -- Lagi.

▼06/09/16-38MST

R GB 06-09 00157 BA740

bah

Mahathir -- PBB 2 (Akhir) Jakarta

Para pemimpin NAM, yang bersidang selama enam hari, mendesak penstrukturan semula dan pendemokrasian PBB dilakukan terutama mengkaji kuasa veto yang terletak pada Amerika Syarikat, Russia, China, Perancis dan Britain.

Dr Mahathir berkata beliau yakin negara-negara kuasa besar itu tidak dapat tidak akan terpaksa tunduk kepada pandangan dunia supaya menerima perubahan.

+Mereka tidak boleh mengekalkan kedudukan jika inginkan tindakan mereka dalam keadaan tertentu mendapat sokongan negara lain di dunia,+ katanya.

Katanya, seorang anggota kongres Amerika Syarikat, yang berjumpanya baru-baru ini, juga mahu perubahan dibuat terhadap PBB untuk keamanan dunia.

+Saya kata kepadanya supaya turut mendesak usaha itu kerana dunia tidak akan aman selagi kuasa tidak seimbang antara negara yang kuat dengan negara yang lemah,+ katanya.

+Nampaknya kita perlu berusaha mempengaruhi rakyat Amerika Syarikat, Britain dan lain-lain dalam soal ini kerana tidak semestinya mereka menyokong pendirian kerajaan mereka,+ katanya. -- Bernama